

23/05/1999

Isu gaji pekerja ladang akan diatasi

JOHOR BAHRU: Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata beliau akan membangkitkan masalah pemberian gaji bulanan kepada pekerja ladang khususnya kaum India melalui saluran tertentu bagi meningkatkan maruah dan martabat pekerja ladang di negara ini.

Menurutnya, masalah itu sudah dibangkitkan kepada Datuk Dr Seri Mahathir Mohamad, dua bulan lalu selepas 17 pemilik ladang di seluruh negara bersetuju membayar gaji pekerjanya secara bulanan.

Bagaimanapun, katanya, Perdana Menteri mahu melihat dulu perkembangan semasa pemberian gaji bulanan dalam tempoh enam bulan, sebelum memperluaskan amalan itu kepada ladang lain.

"Kira-kira 38 peratus pekerja ladang di negara ini adalah kaum India manakala 39 peratus lagi adalah Melayu. Oleh itu, adalah wajar pemilik ladang membantu mereka (pekerja ladang) meningkatkan taraf ekonomi kerana mereka juga rakyat negara ini," katanya selepas merasmikan Konvensyen MIC Negeri Johor, di sini semalam.

Selain itu, Samy berkata, ahli Parlimen, ahli Dewan Undangan Negeri serta ahli majlis dalam pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu membentangkan laporan kegiatan dalam setiap mesyuarat yang dihadiri.

(END)